

10/08/1997

Sampah: Siapa harus dipersalahkan?

A Nazri Abdullah

KITA terpaksa mengakui bahawa amalan menjaga kebersihan belum menjadi budaya masyarakat Malaysia. Sejak menjadi Perdana Menteri hingga hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih bercakap soal kebersihan. Bermacam nasihat diberi, berpuluh program kebersihan dilancarkan, tetapi parit, sungai, jalan raya, pasar dan kawasan kediaman, bukan saja di Kuala Lumpur, malah hampir di seluruh negara masih kotor. Sampah sarap boleh dilihat bertaburan di sana sini walaupun papan tanda denda membuang sampah terpampang di merata tempat. Kita tidak terkejut mengapa Dr Mahathir melenting apabila diberitahu Jalan Bukit Bintang di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, masih kotor dengan sampah, botol dan tin kosong. Bukan itu saja, pada sebelah malamnya kawasan itu dikotori pula dengan penunggu jalan yang bersantai di tiang-tiang lampu mencari pelanggan. Tambah mengotorkan lagi apabila kontraktor tidak membersihkan kawasan tempat mereka kerja selepas menyiapkan sesuatu projek.

Kerja pembaikan jalan, longkang, paip air, talian telefon dan sebagainya sentiasa saja ada di Kuala Lumpur, malangnya selepas kerja disiapkan, ada saja timbunan batu, serpihan konkrit dan sampah sarap yang ditinggalkan terbiar. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai undang-undang yang cukup untuk menguatkuasakan undang-undang kebersihan, tetapi barangkali tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk bertindak. Penghuni Kuala Lumpur sudah melebihi dua juta orang dan jumlah bangunan, gerai, pasar raya, kenderaan juga bertambah. Malah, jumlah penagih dadah yang menjadi salah satu punca kekotoran bandar raya juga bertambah, jadi tentulah tidak adil kita menyalahkan segala-galanya kepada DBKL.

Langkah menswastakan pengurusan dan pungutan sampah di seluruh negara kepada sebuah konsortium mengandungi empat syarikat iaitu Alam Flora Sdn Bhd, Malaysia Mining Corporation (MMC), K K Industries dan Consec Gali membuktikan ketidakupayaan pihak berkuasa tempatan mengendalikan pungutan sampah dengan berkesan. Sikap dan cara bekerja kakitangan pihak berkuasa tempatan tentulah berbeza dengan pihak swasta, sekurang-kurangnya inilah andaian masyarakat umum. Di Kuala Lumpur, umpamanya, DBKL tidak pernah sunyi daripada pelbagai rungutan dan bantahan orang ramai. Malangnya, kekotoran di Jalan Bukit Bintang berlaku selepas kerja pungutan sampah di bandar raya Kuala Lumpur diswastakan kepada Alam Flora mulai 1 Januari tahun ini. Apakah Alam Flora juga tidak ada bezanya dengan DBKL?

Sebenarnya pengawasan dan denda semata-mata tidak menjamin sesuatu kerja itu sempurna jika orang ramai tidak mempunyai sikap positif terhadap kesihatan dan kebersihan. DBKL dan Alam Flora terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk mengupah pegawainya mengintai dan menangkap orang ramai yang membuang sampah 24 jam. Tentulah ini kerja sia-sia. Yang penting ialah sikap. Pihak berkuasa boleh menyediakan pelbagai kemudahan tempat membuang sampah, mengatur jadual pungutan sampah yang sistematik, tetapi jika orang ramai masih bersikap pengotor, membuang sampah di sana sini, apa pun kemudahan dan sistem yang dipakai, tidak akan berkesan.

Selain daripada sikap orang ramai, kontraktor kecil yang mendapat kontrak mengutip sampah daripada DBKL juga perlu disalahkan kerana mencari jalan mudah dengan menipu DBKL. Tong-tong sampah yang diletakkan di sekitar kawasan rumah pangsa, khusus untuk penghuninya tetapi turut digunakan oleh kontraktor kecil sebagai tempat membuang sampah yang dipungutnya dari kawasan berdekatan. Kontraktor kecil ini sepatutnya membuang sampah di kawasan pembuangan sampah terbuka seperti di Petaling,

tetapi bagi menjimatkan perjalanan, mereka melonggokkan sampah yang dikutip ke dalam tong sampah awam. Sikap seperti ini menjadi bebanan kepada Alam Flora kerana sebaik saja sampah dari tong di rumah pangsa dipungut, beberapa jam kemudian ia penuh semula dengan sampah yang dibuang oleh kontraktor kecil.

Kita gembira dan bangga dengan kemajuan pesat negara, tetapi malu dengan sikap sebahagian daripada masyarakat kita yang masih pengotor dan tidak mengambil berat soal kebersihan. Kebanyakan kita menganggap soal kebersihan jalan raya, bandar raya, sungai dan longkang adalah tanggungjawab orang lain tanpa menyedari bahawa kitalah yang menjadi punca utama kekotoran. Seandainya orang ramai mematuhi peraturan dan menggunakan kemudahan yang disediakan dengan teratur, masalah kebersihan sudah lama diatasi.

Kita harap semua agensi dan jabatan yang ada kaitan dengan kebersihan tidak bersikap seperti pahat dengan pemukul. Sekali Perdana Menteri bersuara barulah masing-masing kelam kabut. DBKL tidak sepatutnya menunggu hingga Perdana Menteri melenting baru hendak bertindak. Sungutan orang ramai tanpa mengira pangkat dan kuasa perlu dipandang berat. Ini baru soal kebersihan dan Perdana Menteri belum bercakap soal mengindahkan lagi bandar raya. Beliau melawat seluruh dunia dan melihat bagaimana orang asing mengindahkan kota raya mereka. Pernah dalam lawatan ke salah sebuah negara Timur Tengah, Dr Mahathir bersungut untuk menghantar Datuk Bandar belajar cara orang Arab menanam rumput dan bunga di padang pasir.

(END)